



**TEKS UCAPAN
YAS KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS
PEMAKAIAN TANDA PANGKAT
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
DAN PENGUASA BOMBA GRED KB 44**

**PADA
6 JANUARI 2015 (SELASA)**

**MASA
9.30 PAGI**

**TEMPAT
DEWAN SUTERA
IBU PEJABAT JBPM PUTRAJAYA**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia,

Yang berusaha saudari pengacara majlis,

YAS Dato' Soiman bin Jahid

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YAS Dato' Hj Amer bin Hj Yusof

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YS Penolong-Penolong Ketua Pengarah

YS Pengarah-Pengarah Bomba Negeri

Rakan-rakan Media dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka pada pagi yang mulia ini, kita dapat bersama-sama di dalam majlis ringkas, tetapi penuh bermakna, iaitu, Majlis Pemakaian Tanda Pangkat, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Penguasa Bomba Gred KB44 yang baru dinaikkan pangkat iaitu seramai 63 orang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Pada kesempatan awal ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada YAS Dato' Soiman Jahid di atas perlantikan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Operasi, JBPM menggantikan YAS Dato' Mahadi Md Ali yang bersara wajib pada 12 November 2014 yang lepas. Adalah diharapkan dengan perlantikan YAS Dato' Soiman bin Jahid, akan dapat meneruskan kesinambungan kecemerlangan yang telah dicapai oleh jabatan pada masa ini. Saya yakin dengan kerjasama yang jitu daripada semua barisan pengurusan tertinggi di Ibu

Pejabat dan juga Negeri-negeri kepada beliau, maka visi dan misi jabatan untuk menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi akan tercapai dengan jayanya. Saya juga berharap semoga YAS Dato' Soiman akan melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan ini, dengan penuh dedikasi, ikhlas dan penuh integriti.

3. Begitu juga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang dinaikkan pangkat memangku jawatan Penguasa Bomba Gred KB 44. Gred jawatan ini merupakan gred jawatan yang strategik di jabatan kita. Tuan-tuan dan puan-

puan akan memegang jawatan sebagai ketua unit, penolong pengarah bahagian di negeri dan juga ketua zon. Tuan-tuan dan puan-puan akan terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran, yang memerlukan tuan-tuan dan puan-puan membuat keputusan, melaksana dan pemantau dasar-dasar jabatan. Pendek kata, tuan-tuan dan puan-puan adalah “pemimpin” di peringkat cawangan, bahagian dan zon di mana tuan-tuan dan puan-puan ditempatkan. Oleh itu pimpinlah organisasi di bawah selian tuan-tuan dan puan-puan dengan sebaiknya.

4. Sepatah nasihat dan peringatan dari saya kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kenaikan pangkat bukanlah suatu kemegahan, sebaliknya merupakan suatu amanah dan tanggungjawab yang sungguh berat yang perlu dipikul. Oleh itu pikullah amanah dan tanggungjawab ini dengan sepenuh hati dan berkhidmatlah dengan profesional serta integriti yang tinggi pada setiap masa. Jangan sesekali kita bertolak ansur dalam aspek integriti. Saya ulangi, tidak ada kompromi dalam soal integriti. Insya Allah, tuan-tuan dan puan-puan akan berjaya. Bukan setakat di gred 44, malah ke

gred-gred yang lebih tinggi. Dalam pada itu, tuan-tuan dan puan-puan akan diuji dan dinilai. Ini bagi membezakan yang mana kaca yang mana intan. Banyak juga yang kecundang dan tewas setelah diuji. Oleh itu contohilah mereka yang berjaya dan belajarliah dari yang gagal agar kita akan tergolong di kalangan yang berjaya.

5. Dalam pada itu, merenung kepada cabaran yang mendatang, semangat kerjasama dan kesefahaman atau “teamwork” di kalangan pengurusan tertinggi di dalam jabatan, adalah merupakan resepi yang amat penting bagi

mencapai kejayaan. Adalah amat benar sekali peribahasa kita yang mengatakan rosak susu sebelanga dek nila yang setitik. Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit. Peribahasa Inggeris pula mengatakan dik sebiji epal yang rosak, epal sebakul terpaksa dibuang. Apa yang dimaksudkan disini ialah, tak perlu ramai, ada satu orang sahaja dikalangan kita yang tak sehaluan, akan rosaklah jabatan kita. Ingatlah, sikap yang baik dikalangan kita, belum tentu menjanjikan kejayaan, tetapi adanya sikap buruk dikalangan kita, sudah pasti, akan membawa kemusnahan. Kebanyakan sikap

yang buruk, bermula dari sikap mementingkan diri sendiri. Oleh itu tak perlu menuding jari kepada sesiapa, sila periksa sikap masing-masing. Buangkan sikap mementingkan diri. Tanamkan sikap mementingkan pasukan. Kita akan menjadi seorang team player yang baik yang akan membawa kejayaan kepada pasukan.

6. Semoga kejayaan dan kecemerlangan sentiasa bersama kita dan semoga juga apa yang kita usahakan mendapat barakah daripada Allah SWT. Gunakanlah kepercayaan yang diberikan oleh jabatan sebaik mungkin. Marilah

kita memacu kearah kecemerlangan dan menjadikan jabatan kita sebagai sebuah jabatan yang berprestasi tinggi, sebagaimana yang kita idam-idamkan.

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warrahmatullahi
Wabarakatuh.**

Terima kasih.